

Sinarharian
20/11/16
mls 48

Sindiket guna warga tua terbongkar

Susulan kejayaan Imigresen Johor tahan dalang sebelum temui wanita warga emas yang dipaksa jual makanan ringan

■ SHAFIQ TINO

JOHOR BAHRU - Helah menggunakan wanita warga emas sebagai penarik untuk menjual makanan ringan terbongkar, apabila Jabatan Imigresen Johor berjaya menahan dua individu warganegara Thailand yang menguruskan sindiket itu, kelmarin.

Ketua Unit Risikan Op Atipsom Bahagian Penguatkuasa Imigresen Johor, Amir Syamri Mat Ripin berkata, serbuan dijalankan di belakang sebuah bank di Impian Emas, Bandar Baru Uda, terhadap dua kenderaan pacuan empat roda bernombor pendaftaran Thailand kira-kira jam 11.15 pagi, hasil risikan selama dua bulan yang dibuat sebelum ini.

Menurutnya, ketika ser-

buan dilakukan, kesemua warga emas yang dipaksa melakukan kegiatan tersebut sedang diturunkan dari kenderaan untuk memulakan rutin kebiasaan mereka.

"Seramai 20 wanita berusia 41 hingga 80 tahun berjaya diselamatkan menerusi operasi tersebut. Dua lelaki berkenaan berusia lingkungan 25 hingga 50 tahun itu ditahan di bahagian pemandu kenderaan masing-masing, dipercayai menjadi dalang dalam menguruskan sindiket tersebut.

"Ketika serbuan dilakukan, kedua-dua lelaki berkenaan gagal melarikan diri manakala wanita yang digunakan itu duduk dalam keadaan berhimpit bersama keropok yang ingin dijual," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Amir Syamri berkata, ber-



Sebahagian warga emas yang diselamatkan menerusi operasi tersebut.

dasarkan pemerhatian dilakukan pihaknya selama dua bulan itu mendapati, mereka yang ditahan melakukan kesalahan

kegiatan eksploitasi memperdagangkan manusia.

"Modus operandi digunakan pula menunjukkan kegiatan

mereka dijalankan hampir setiap hari iaitu bermula sekitar jam 11 pagi, di mana warga emas itu akan diturunkan di

kawasan sekitar Johor Bahru dan diambil semula pada jam 12 tengah malam.

"Mereka yang dipaksa ini akan menjual barangan seperti kerepek dengan harga serendah RM3, dipercayai diperoleh dari sempadan Thailand dan sekitar Kelantan," katanya.

Menurutnya, kesemua wanita diselamatkan itu kebanyakannya berasal dari daerah Patani dan masuk ke negara menggunakan pas lawatan sosial sebelum dikumpulkan di sebuah rumah yang disediakan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 15 Akta Atipsom 2007 atas kesalahan eksploitasi perdagangan manusia manakala semua yang ditahan di bawa ke Kompleks Imigresen di Setia Tropika.